



BESI TERBANG

SEJUK pula OT pagi ini. Semua sudah siap nak skrub. Riuh macam pasar borong ruang itu apabila beberapa misi senior mengarah misi junior. Begitulah kebiasaannya, bukan *ragging* tetapi memang orang lama lebih tahu apa yang hendak dibuat.

Encik Razak, pesakit pertama hari itu nampak sugul. Aku cuba lontar senyum kelat, tapi tak berbalas. Biasalah orang hendak kena bedah begitulah. Macam-macam andaian dan igauan yang bermain di fikiran.

“Assalamualaikum Encik Razak,” Doktor Naza, mentorku tiba dengan sapaan awal. Dia kelihatan kacak pula hari ini. Eh, ke situ pulak fikiranku melayang!

“Walaikumussalam Doktor Naza,” jawabannya melegakan aku juga. Dia memang telah serasi dan biasa dengan Doktor Naza sejak berada di sini.

“Encik Razak ok? Sejuk ke?” Doktor Naza cuba meramahi pesakitnya yang diketahui sedang berperang dengan emosi sendiri. Encik Razak hanya menggeleng kepala sebagai proksi jawapan.

Aku, doktor muda yang baharu 3 bulan ditempatkan di bahagian mata, bahagian yang sangat asing bagiku dan bagi ramai doktor muda lain. Satu bidang yang tidak pernah ada dalam senarai *wish list*.

Bukan sebab kami tak suka, tapi pada masa *houseman* dahulu, Unit Oftalmologi ini bukan jabatan wajib untuk kami bekerja. Namun apabila sudah jadi Medical Officer (MO) ini tercampak pula ke Jabatan Mata. Mahu tak mahu kami terima sajalah.

Menjadi lumrah, aku selaku doktor junior berasa diri sangat efisien tatkala melihat OT berjalan lancar. Ini merupakan kejayan bagiku, juga kepada doktor-doktor muda sepertiku. Jururawat ceria, kelengkapan pembedahan siap teratur melengkapkan rasa egoku. Bukan mendabik diri tapi sekadar menikmati kepuasan melihat hasil kesungguhan ketekunanku.

Aku telah bersiap awal dengan menyusun OT *list* sebelum menghasilkan ketenangan di bilik bedah. Sehari sebelum OT aku pastikan semua pesakit *tip top*, alat-alat bedah ditempah dan tersedia. Segala persiapan aku pulun *job* aku cukup-cukup.

Kenapa aku bersemangat sangat hari ni? Sebab hari ni hari pertama aku akan diberi peluang skrub dan duduk bersebelahan dengan Doktor Naza. Aku kena *tip top* sebagai *assistant*, kalau tidak reputasi aku akan tercemar. Aku kena buktikan doktor muda bukan sahaja bersemangat, bahkan berkualiti.

Kasih senior-senior aku yang teruk dibelasah pakar apabila bilik bedah kelam kabut kerana pembedahan terpaksa ditangguhkan. Doktor Naza tidak mudah *diimpress*. Dia seorang yang amat tekun dan mahukan yang terbaik. Semua MO di bawahnya selalunya akan stres kerana terpaksa bekerja lebih masa dan mencapai tahap fokus yang tinggi.

Tapi yang menarik... Dalam keadaan stres itu MO seperti kami akan senang teruja kerana Doktor Naza sentiasa memberi peluang kepada kami, doktor junior mencuba melakukan beberapa langkah pembedahan. Bermula dengan yang mudah-mudah tapi cukup sebagai satu *victory* apabila mendapat kepercayaan itu. Kemudian ansur-maju kepada yang lebih kompleks dan sukar.

Aku turut bangga dengan pendekatannya itu. Sekurang-kurangnya tidaklah tertekan sangat dengan kerja yang rumit dan penuh risiko ini. Alhamdulillah, bersyukur aku di dalam hati mendapat seorang mentor yang baik dan bertoleransi seperti Doktor Naza.